

Rokiah pertahan seni tekak



SEBAGAI isteri Menteri Besar Perak, Puan Sri Noora Ashikin Raja Abdullah, sering melakukan lawatan ke seluruh pelosok kampung dan kesempatan itu turut digunakan untuk menemu bual wanita desa yang terbabit dalam seni kraftangan tradisional. Ikuti catatan pertemuan beliau dengan seorang penekak di Kampung Bandar, Perak.



BERMUTU... sebahagian koleksi tekak milik Rokiah.

MASYARAKAT Melayu memang kaya dengan seni kraftangan seperti tekak, labu, batik, anyaman serta ukiran perak dan kayu. Namun, warisan itu tidak mungkin dapat bertahan dan berkembang tanpa sumbangan pencinta seni seperti Rokiah Mat Taib, 68.

Malah, dalam usianya melebihi setengah abad dan kesukaran untuk bergerak sejak kakinya patah, Rokiah masih gigih menghasilkan barangan tekak dan sering diundang mengadakan demonstrasi seni menekak termasuk di Kuala Lumpur.

Hasilnya memang tidak seberapa, namun itu sedikit pun tidak mematahkan semangat Rokiah untuk terus bergiat dalam bidang berkenaan. Apakah yang menarik beliau menyertai bidang itu?


Sambil menunjukkan koleksi yang dihasil-

kan, Rokiah berkata, beliau bangga kerana sumbangannya sekarang-kurangnya dapat memperkenalkan dan mengembangkan seni tekak di kalangan generasi muda.

Tradisi menekak itu dipusakai sejak turun temurun daripada moyangnya, Saadiah Megat Ayub, diikuti neneknya, Mah Hawa Megat Mamat, ibunya Putri Alang Sapiah Megat Aris dan kini Rokiah.

Rokiah, anak bongsu daripada lapan beradik, berkata beliau dan dua kakaknya, Uteh Jamaiah dan Fatimah Bee diajar menekak sejak kecil lagi.

Beliau yang dilahirkan di Kampung Bandar (disebut Bando), Mukim Bandar pada 1930, juga mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Teluk Intan sehingga darjah empat.



TEKUN... ramai anak gadis Kampung Bandar belajar menekak dengan Rokiah.

Rokiah mempunyai dua anak lelaki hasil perkongsian hidup dengan suaminya, Abdul Aziz Mat Sarit.

Meskipun tidak mempunyai anak perempuan untuk mewarisi seni itu, Rokiah tetap menurunkan kemahirannya kepada ramai anak gadis di kampungnya. Malah, beliau juga mengajar di Bengkel Kemas Kampung Bandar sejak 1970 sehingga bengkel itu ditutup pada 1996.

Menurutnya, dulu seni itu dipelajari hampir semua anak gadis di Kampung Bandar, tetapi sekarang ramai gadis lebih berminat berhijrah ke bandar atau bekerja di kilang di Kampung Gajah yang menawarkan pendapatan lebih terjamin.

Menceritakan pengalamannya, Rokiah mengatakan menekak adalah kerja yang rumit dan

hasilnya pula tidak setimpal dengan masa dan tenaga.

Apa lagi seunting benang emas yang dulunya berharga 25 sen, kini sudah menjangkau RM9 seunting.

Menurutnya, sepasang kipas bermotif bunga kekwa mengambil masa tiga minggu dan memerlukan 15 unting benang emas, satu pertiga ela kain baldu dengan kos RM145, sedangkan barang itu dijual dengan harga RM180.

Sepasang kusyen mengambil masa sebulan untuk disiapkan dan 26 unting emas dan satu suku ela baldu dengan kos RM274 dan dijual pada harga RM350, sementara sebuah tudung saji sederhana memerlukan enam minggu, 36 unting benang emas, dua setengah ela baldu dengan kos RM404 dan dijual RM500.